



MAJLIS PERBANDARAN KULIM
KEDAH DARUL AMAN

KEW.PA-27

NO SEBUTHARGA : MPKK.JP.ASET/KEND/2020/SB(04)

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti di berikut :-

Bil	Keterangan Aset	Nombor Pendaftaran	Kuantiti	Harga Simpanan
1	Lori Amroll – FTR12H	KAS 3905	1	RM7,400.00
2	Mitsubishi Pajero V32V	KAR 400	1	RM5,000.00

2. Aset boleh dilihat pada **11 OCT 2020** bertempat di **Bengkel Ayer Merah, Majlis Perbandaran Kulim Kedah.**
3. Tawaran sebutharga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebutharga Pelupusan Aset Kerajaan (KEW.PA 28) yang boleh diperolehi di Unit Pengurusan Aset, Jabatan Perbendaharaan. Tawaran yang dikemukakan hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebutharga **MPKK.JP.ASET/KEND/2020/SB(04)** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat seperti berikut :-

Yang DiPertua
Majlis Perbandaran Kulim
No 1, Lebuh Bandar 2, Bandar Putra
09000 Kulim, Kedah Darul Aman.

5. Tarikh tutup sebutharga pada **25 OCT 2020** jam **12.00** tengahari. Sebutharga yang diterima lewat tidak akan di pertimbangkan.

DR. HAJI NADZMAN BIN MUSTAFFA, AMK., BCK.
Tuan Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kulim
Tarikh : **08 OCT 2020**

SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga tawaran yang tertinggi. Harga minima tawaran adalah mengikut harga simpanan.
2. Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 5% daripada harga tawaran. Deposit sebutharga hendaklah disediakan dalam bentuk kiriman wang tunai / wang pos / draf bank atau cek atas nama **YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KULIM.**
3. Tawaran tanpa/kurang deposit sebutharga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is basis).
5. Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Majlis berhak untuk melupuskan aset tersebut.
9. Bayaran balik deposit (pembeli yang tidak berjaya) akan dikembalikan dalam tempoh dua minggu (14 hari) dari tarikh keputusan sebutharga dikeluarkan.
10. Pembeli perlu mengemukakan Pendaftaran Kementerian Kewangan membeli barang lusuh tanpa permit (Kod Bidang 221901) atau membeli barang lusuh perlu permit (Kod Bidang 221902) serta penyata kewangan bank untuk urusan permulangan deposit (sekiranya tidak berjaya).

